



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGANUGERAHAN *GUIDELINES FOR THE APPLICATION OF AWARD*

1. Semua pelajar semester akhir yang akan menyempurnakan program pengajian adalah dikehendaki memohon untuk penganugerahan sijil/ijazah. Pelajar hanya layak diperakui dalam program setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:
 - i. Mendapat Kedudukan Baik (KB),
 - ii. Telah lulus dalam semua kursus yang ditetapkan,
 - iii. Memohon penganugerahan dan mendapat perakuan fakulti,
 - iv. Kelulusan Senat Universiti,
 - v. Syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam peraturan dan prosedur Universiti.

Pelajar yang mengulang mata pelajaran atau mengulang gred untuk memperbaiki CPA adalah diperlukan memohon untuk penganugerahan sijil sekali lagi. Permohonan yang telah dibuat pada semester sebelumnya tidak boleh diambilkira.

2. Pelajar bukan semester akhir dan pelajar selain daripada yang dinyatakan di atas tidak layak memohon.
3. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Permohonan Penganugerahan Sijil/ Ijazah** dalam tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti. Pelajar hendaklah mengemukakan dan menyerahkan borang ke Pejabat Pusat Pengajian Ijazah SPACE. Permohonan yang diterima dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh tutup akan dikenakan bayaran denda sebanyak RM15.00.
4. Pelajar yang tidak memohon dan/atau mengemukakan borang permohonan ke Pejabat Pusat Pengajian Ijazah SPACE selepas tarikh atau tempoh di atas tidak akan diberi penganugerahan pada semester tersebut. Walau bagaimanapun, mereka bolehlah mengemukakan permohonan masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan pada semester yang berikutnya.
5. Pelajar yang tidak memohon tidak boleh dipertimbangkan untuk kemasukan ke program pengajian yang lebih tinggi.

1. *All final semester students are required to apply for award of certificate/degree. Students will only qualify for award of certificate/degree after fulfilling the following conditions:*
 - i. *Obtain Good Status (KB),*
 - ii. *Pass all the required courses,*
 - iii. *Apply for award and approved by the faculty,*
 - iv. *Approved by University Senate,*
 - v. *Meet other conditions as stipulated.*

Students who have previously applied but did not complete their study and fulfill the above conditions are required to make a new application. Applications made in the previous semester will not be considered.

2. *Apart from the final semester students are not eligible to apply.*
3. *Application of award must be using the **Application Form for Conferment of Certificate/Degree** within the prescribed period. Student shall submit and surrender the form to the Faculty. A charge of RM15.00 will be levied on the student for submitting after the dateline.*
4. *Students who do not apply and/or submit an application form to the faculty after the above date or period cannot be considered. However, they may submit their application within the period prescribed in the following semester.*
5. *Students who do not apply the award will not be considered for admission to higher degree programme.*